

## AKAL BUDI DALAM NARATIF LISAN PENDUDUK KOTA BHARU, KELANTAN: SATU PENELITIAN KEMASYARAKATAN

**Common Sense in Oral Narrative Collected at Kota Baharu, Kelantan: An observation on  
Sosial Approach**

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan  
[sitinurulsuhadahadnan@gmail.com](mailto:sitinurulsuhadahadnan@gmail.com)

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg berkunci No 1, Bachok, Kelantan.

Mohd Firdaus Che Yaacob  
[firdaus.cy@umk.edu.my](mailto:firdaus.cy@umk.edu.my)

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg berkunci No 1, Bachok, Kelantan

Received: 16 November 2020; Accepted: 29 December 2020; Published: 31 December 2020

**To cite this article (APA):** Tuan Adnan, T. S. N. S., & Che Yaacob, M. F. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu penelitian kemasyarakatan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 126-140. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.10.2020>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.10.2020>

### ABSTRAK

Naratif lisan digambarkan sebagai pendidikan awal pada peringkat kanak-kanak yang memberi pengajaran mengenai adat resam, kebudayaan dan pantang-larang masyarakat Melayu serta memiliki akal budi sebagai gambaran pemikiran yang waras diperlihatkan melalui tingkah laku oleh seseorang individu. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini mengariskan satu pendekatan dalam teori pengkaedahan Melayu, iaitu pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Pengkaji menjalankan proses temu bual dengan responden bagi mendapatkan cerita rakyat di jajahan Kota Bharu, Kelantan. Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa terkandung elemen akal budi dalam naratif lisan, iaitu rasional, berani kerana benar, daya usaha dan ikhlas yang menjadi lambang keperibadian masyarakat setempat yang masih wujud dan dipraktikkan sehingga pada hari ini.

**Kata Kunci:** Akal Budi; Naratif Lisan; Masyarakat Melayu; Pendidikan; Pendekatan Kemasyarakatan

### ABSTRACT

*Oral narrative described as early education at the children a lesson about the customs, culture and taboos of the community and have a sense of understanding as demonstrated by the thought that healthy behavior by an individual. Therefore, this study was conducted to identify and analyze the common sense contained in the oral narrative in Kota Bharu, Kelantan. This study outlines an approach to theoretical methodologies Malay community as a deductive approach to research. In addition, this study uses qualitative methods involving libraries and fields to obtain authentic information. Researchers conducted an interview process with respondents to obtain folklore in the district in Kota Bharu, Kelantan. The results of this study prove that there is an element of common sense in the oral narrative that is rational, brave because it is true, effort and sincerity that is a symbol of the personality of the local community that still exists and is practiced to this day.*

**Keywords:** Common Sense; Oral Narrative; Malay Community; Education; Social Approach

## PENGENALAN

Naratif lisan merupakan salah satu cabang dalam dunia kesusasteraan yang berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu. Naratif lisan ini menjadi satu kebudayaan dalam masyarakat Melayu daripada zaman dahulu kala untuk mengajar anak-anak mereka mengenai adat, pantang larang, kepercayaan serta prinsip hidup (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Elemen-elemen ini merupakan pegangan teguh oleh masyarakat Melayu terdahulu. Oleh itu, nenek moyang terdahulu ingin mewariskan adat, pantang larang, kepercayaan dan prinsip hidup kepada anak-anak muda melalui pengkaedahan penceritaan, iaitu berkomunikasi secara langsung dengan individu yang terlibat. Malahan, naratif lisan diklasifikasikan sebagai kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu secara bersama. Hal ini terjadi demikian kerana naratif lisan yang disampaikan tidak memiliki individu tertentu dalam penyampaian berbanding kebudayaan lain. Hal ini demikian kerana pencerita rakyat tidak dapat dikenal pasti gerangan yang menyampaikannya disebabkan kaedah penuturan melalui mulut ke mulut. Kesannya, naratif lisan mampu menyatupadukan individu dalam sebuah komuniti melalui pengajaran yang diperoleh menerusi pemahaman cerita rakyat.

Selain itu, naratif lisan juga turut disifatkan sebagai satu cabang komunikasi yang dilakukan oleh ibu bapa bagi mendidik anak-anak menerusi penyebaran cerita yang berbentuk jenaka, mitos, legenda serta cerita binatang. Hal ini ibu bapa pada zaman dahulu berupaya untuk menegur anak-anak melalui kaedah yang halus iaitu menerusi pertuturan. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita-cerita yang disampaikan diselitkan dengan unsur jenaka sewaktu disampaikan (Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi, 2017). Maka, anak-anak ketika itu mampu untuk mentafsir maksud serta pengajaran yang ingin disampaikan oleh ibu bapa mereka. Natijahnya, biarpun cerita-cerita yang disampaikan memiliki unsur hiburan namun ianya masih memiliki pengajaran tersendiri bagi tujuan pendidikan secara tidak langsung. Di samping itu, naratif lisan turut disifatkan sebagai kaedah untuk mengekspreasikan maksud yang berada dalam pemikiran seseorang melalui penuturan. Ianya merupakan satu luahan yang dirasakan oleh seseorang yang berusia kepada anak-anak muda. Luahan itu bertujuan untuk mendidik cara pergaulan anak-anak muda dalam kalangan masyarakat (Uli Wahyuni & Nurusella Amhar Rasidah, 2019). Natijahnya, anak-anak muda pada zaman dahulu mampu menjaga perilaku mereka sewaktu bergaul dengan individu yang lebih berusia daripada aspek pertuturan serta tingkah laku.

Sementara itu, naratif lisan dikatakan sebagai medium penuturan yang dilaksanakan secara bergenerasi dalam kalangan masyarakat Melayu. Kebiasaannya naratif lisan ini disampaikan dalam kalangan masyarakat Melayu menggunakan kaedah lisan. Hal ini berlaku demikian kerana kepesatan kaedah penuturan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu naratif lisan ini lebih cepat penyampaiannya berbanding kaedah penulisan (Siti Zuhaidah Zikeria, 2015). Hal ini disebabkan oleh perluasan kaedah percakapan berbanding kaedah penulisan pada zaman dahulu. Ianya disebabkan oleh masyarakat pada ketika itu adalah buta huruf menyebabkan mereka tidak mampu untuk menulis cerita tersebut melainkan disampaikan melalui percakapan. Akhirnya, naratif lisan mampu memiliki kepelbagaiannya versi penceritaannya kerana ketiadaan bentuk penceritaan melalui penulisan. Lebih-lebih lagi, naratif lisan turut digambarkan sebagai satu kaedah pembelajaran kanak-kanak untuk mengetahui mengenai adat resam dan pantang-larang masyarakat. Penceritaan mengenai kisah-kisah tauladan mampu memberi pengetahuan kepada kanak-kanak tentang kebudayaan masyarakat setempat (Noormaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi, 2017). Hal ini menjadikan teladan yang menjadi intipati naratif lisan mampu membentuk keperibadian mulia dalam diri kanak-kanak. Akibatnya, keperibadian negatif mampu dielakkan daripada mempengaruhi perkembangan perlakuan serta pemikiran kanak-kanak.

Selain itu, kajian ini turut meneliti mengenai akal budi yang terkandung dalam naratif lisan. Akal budi didefinisikan sebagai keupayaan seseorang untuk menggunakan pemikiran yang waras serta rasional melalui setiap tindakannya (Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh, 2015). Hal ini berlaku demikian kerana individu itu memiliki kemampuan berfikir dan berpengetahuan

untuk dihubungkan dengan alam sekeliling. Manusia mampu untuk bertindak daripada perspektif yang positif dalam setiap tindakannya bagi menjernihkan suatu perhubungan yang terjalin antara manusia dengan alam sekitar. Akibatnya, manusia akan lebih menghargai setiap perhubungan yang terjalin lantas menjaga perhubungan itu dengan baik. Di samping itu, menurut Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2015), akal budi disifatkan sebagai pemikiran yang digunakan oleh masyarakat Melayu menerusi percakapan yang baik antara satu sama lain. Hal ini didorong dengan perasaan untuk saling menjaga hati serta perasaan antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat. Sikap rasional daripada perbuatan itu dapat dilihat menerusi gaya pemupukannya dalam kalangan masyarakat Melayu. Natijahnya, masyarakat Melayu akan lebih cakna mengenai tatatertib pergaulan antara satu sama lain.

Selain daripada itu, menurut Junaini Kasdan (2020) akal budi merupakan suatu ciptaan manusia khususnya masyarakat Melayu untuk berkomunikasi dengan alam sekeliling. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu merupakan kelompok yang memiliki keperibadian murni menerusi tingkah laku serta percakapannya terhadap alam. Masyarakat Melayu mengawal setiap perlakunya berlandaskan kepercayaan yang dipegang teguh dalam kalangan komuniti tersebut. Kesannya, setiap tindakan dalam kalangan masyarakat Melayu akan disusuli dengan pemikiran yang waras sebelum melakukan apa-apa tindakan. Hal ini kerana setiap tindakan akan memberi impak kepada setiap ahli dalam masyarakatnya. Oleh itu, penyampaian naratif lisan memberi manfaat yang berpanjangan dalam kalangan masyarakat Melayu. Naratif lisan diperkuatkan dengan adanya akal budi yang mampu mendidik keperibadian generasi muda pada masa kini. Secara tidak langsung naratif lisan membolehkan generasi muda mempelajari mengenai adat resam, budaya serta tatatertib pergaulan dalam kalangan masyarakat. Naratif lisan juga penting untuk diwarisi agar akal budi yang terkandung didalamnya mampu untuk disemai dalam kalangan generasi muda bagi membentuk keperibadian mulia dalam diri mereka.

## **SOROTAN KAJIAN**

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas untuk melihat kelomongan kajian sebelum ini. Pertama, kajian lepas yang bertajuk *World-View dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu* oleh Roslina Abu Bakar dan Arba'ie Sujud (2013). Kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti serta membincangkan *World-View* dan sistem politik menerusi cerita rakyat di Johor. Hal ini bertujuan meneliti tradisi masyarakat Melayu melalui cerita rakyat. Kajian ini melihat cerita-cerita yang memberi fokus kepada pihak pemerintah, iaitu raja. Hasil daripada kajian ini memperolehi gaya penyampaian cerita rakyat berdasarkan hierarki sosial khususnya kedudukan tertinggi dalam pemerintahan.

Sementara itu, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2014), telah menjalankan kajian tentang *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*. Kajian ini telah memperlihatkan nilai-nilai murni yang menjadi landasan kepada kanak-kanak bagi membentuk moralnya. Kajian tersebut mengambil bahan yang bertajuk *Buku Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* sebagai garis panduan untuk mengkaji pembentukan moral dalam cerita rakyat yang dipaparkan. Kajian ini juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai satu sandaran yang utuh bagi meneliti nilai murni dalam cerita rakyat yang telah dipilih. Nilai murni yang diperlihatkan menerusi kajian ini mampu untuk membentuk akhlak mulia dalam kalangan kanak-kanak seperti “melentur buluh daripada rebungnya”. Pendidikan sebegini mampu mendidik anak-anak muda untuk berkelakuan baik serta mampu memimpin negara pada masa akan datang.

Kajian Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015), bertajuk *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* bertujuan untuk memartabatkan kembali jati diri generasi muda. Masyarakat Melayu terdahulu kerap menyelitkan nilai murni sama ada secara langsung atau tidak langsung sebagai pengajaran positif kepada anak-anak muda. Kajian sedemikian merupakan

usaha untuk memartabatkan kembali jati diri generasi masa kini melalui cerita rakyat Melayu yang sekaligus dapat melestarikan warisan nenek moyang.

Seterusnya, Siti Zuhaidah Zikeria (2015), menerusi kajian yang bertajuk *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar* bertujuan memerhatikan penulisan kanak-kanak menerusi gaya pembacaan Majalah Dewan Pelajar. Menerusi pernyataan masalah kajian, dinyatakan bahawa sebahagian penulis tidak mempunyai cetusan idea yang khusus terhadap tema yang diberikan. Oleh itu, menerusi analisis kajian ini dapat dilihat kesinambungan cerita-cerita rakyat yang dipilih serta memperlihatkan gaya penulisan yang terbaik. Penerapan gaya penulisan dalam memartabatkan kembali cerita rakyat Melayu merupakan langkah yang bernalas selain mampu memupuk bakat dalam kalangan kanak-kanak.

Kajian Shaiful Bahri Md Radzi (2015), menerusi *Si Tanggang Moden dan Perubahan Makna dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka* bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis perubahan makna dalam cerita rakyat yang memiliki unsur anak derhaka. Ianya dilaksanakan bagi meneliti perspektif orang Melayu terhadap cerita rakyat berjudul *Si Tanggang*. Hal ini untuk mengkaji isu polemik dalam yang wujud dalam cerita rakyat Melayu. Hasil daripada kajian ini memperoleh gaya pembelajaran yang diterapkan oleh ibu bapa masyarakat Melayu terhadap anak-anaknya agar tidak berkelakuan kurang ajar dengan orang yang lebih tua.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menerusi kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* bertujuan untuk meneliti nilai-nilai murni yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Ianya khusus bagi memperincikan tentang nilai-nilai murni yang ada dalam cerita rakyat Melayu. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai garis panduan bagi mengumpul data berkaitan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu. Justeru itu, kajian ini juga menggunakan empat konsep yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara iaitu penjanaan minda, rohani, emosi dan jasmani. Hasil daripada kajian ini memperoleh gambaran nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu yang membentuk prinsip menerusi masyarakatnya.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017), telah menjalankan kajian tentang *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu*. Kajian ini dilakukan bagi tujuan mengenal pasti serta menganalisis cerminan moral yang positif menerusi cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan untuk meneliti moral positif yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu seperti *Awang Yang Lurus, Padi Berbuah Emas, Raja Kuyuk, Seuncang Padi* dan *Penjual Api Yang Lurus*. Kajian ini telah menemukan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu menerusi cerita-cerita rakyat yang dipilih.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), telah menjalankan kajian di peringkat kedoktoran falsafah terhadap *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam naratif lisan yang ada di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini menggariskan pendekatan teori pengkaedahan Melayu bagi mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan yang diperolehi. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif sebagai elemen pengumpulan data nilai-nilai murni. Hasil kajian memperoleh terdapat pembentukan akhlak serta tingkah laku yang mulia dalam naratif lisan.

Kesimpulan sorotan kajian telah memperjelaskan bahawa naratif lisan pada hari ini mulai mendapat tempat dalam bidang penyelidikan. Dengan itu, tidak hairanlah jika para sarjana mulai meneroka dan berupaya untuk mengembalikan naratif lisan Melayu kepada masyarakat pada masa kini. Namun demikian, kajian-kajian lepas yang dilakukan masih mempunyai kekurangan daripada aspek kajian mengenai nilai budi. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi memartabatkan

semula nilai budi yang terkandung dalam naratif lisan Melayu. Kesannya, nilai budi dalam naratif lisan akan mulai disemai dalam kalangan masyarakat pada masa kini melalui penyelidikan sebegini.

## PENYATAAN MASALAH

Kajian ini mendapat terdapat beberapa kelompongan daripada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para sarjana terdahulu. Kelompongan tersebut dapat dilihat menerusi kajian-kajian lepas seperti berikut *World-View dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu* oleh Roslina Abu Bakar & Arba'ie Sujud (2013), *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2014), *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015), *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), *Si Tanggang Moden dan Perubahan Makna dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka* oleh Shaiful Bahri Md Radzi (2015), *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar* oleh Siti Zuhaidah Zikeria (2016), *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) dan *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018).

Setelah penelitian dilakukan oleh pengkaji, kajian ini mendapat terdapat kelompongan dilihat melalui kajian-kajian lepas. Kajian-kajian tersebut dilihat kurang mengetengahkan akal budi melalui cerita rakyat orang Melayu. Rata-rata pengkaji mengetengahkan tentang aspek nilai, nilai moral dan nilai-nilai murni dalam kajian mereka. Hal ini demikian kerana nilai, nilai moral dan nilai-nilai murni meliputi perlakuan, tatatertib, kebudayaan serta hubungan sesama manusia. Ia membuatkan akal budi dalam cerita rakyat Melayu kurang mendapat perhatian oleh kajian terdahulu berbanding bidang kesusasteraan yang lain. Hal ini menjadikan akal budi tidak digarap sepenuhnya oleh pengkaji-pengkaji lepas. Ianya membuatkan akal budi cerita rakyat orang Melayu ini menjadi skop terpencil untuk diangkat oleh para sarjana sastera. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memberi pendedahan secara lebih mendalam terhadap akal budi yang terkandung melalui cerita rakyat Melayu. Kajian ini juga bertujuan menonjolkan kembali akal budi yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu memberi pendedahan pendidikan yang sewajarnya kepada generasi muda.

## BATASAN KAJIAN

Pengkajian ini membataskan terhadap beberapa buah cerita rakyat yang diperoleh di Kota Bharu, Kelantan. Antara cerita rakyat yang telah dipilih iaitu *Asal Usul Bunut Payung*, *Asal Usul Kampung Pintu Reng*, *Kelicikan Pahlawan Mat Kilau*, *Penunggu Binjai*, *Main Teri Hiburan Masyarakat*, Haji Tahir Orang Alim, *Kerabat Diraja Memuja Pantai*, dan *Tok Guru Haji Mokhtar*. Cerita-cerita ini telah dikumpulkan menerusi temu bual bersama-sama responden, iaitu Encik Long Mohamad di Kampung Lundang, Kota Bharu. Beliau berusia 38 tahun. Beliau mampu untuk bercerita secara lebih terperinci mengenai setiap peristiwa, asal usul serta tokoh sejarah. Seterusnya, Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) telah digunakan dalam kajian ini bagi memperkuatkan lagi objektif kajian yang telah dibuat. Teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan masyarakat yang sesuai digunakan kerana menekankan mengenai budaya hidup masyarakat Melayu.

## METODOLOGI KAJIAN

Berpandukan kepada metodologi, kajian ini menggunakan kajian kualitatif sebagai kaedah penting bagi memastikan kesempurnaan menerusi kajian ini. Dalam kajian kualitatif ini, pengkaji

menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Kaedah kepustakaan digunakan bagi mendapatkan bahan-bahan yang terdiri daripada kamus, jurnal-jurnal serta buku-buku. Bahan-bahan ini dirujuk dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan. Selain itu, kajian ini melaksanakan kaedah kajian lapangan untuk mendapatkan maklumat sahih. Maka, pengkaji menggunakan kerangka *folklore* oleh Dundes (1965), iaitu membuat pengenalpastian, pengumpulan data serta menganalisis maklumat yang diperolehi. Melalui peringkat pengenalpastian, pengkaji telah mengumpul naratif lisan yang berpusat di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji telah menemui ketua mukim bagi mendapatkan maklumat mengenai responden. Oleh itu, ketua mukim telah mencadangkan beberapa nama seperti Wan Abdullah Wan Omar, Yusof Abdul Rahman, Mat Zin Derohim serta Long Mohammad. Langkah pengenalpastian ini harus dilakukan bagi menjamin kelancaran aktiviti pengumpulan naratif lisan.

Seterusnya, pengkaji turut melaksanakan peringkat pengumpulan data. Dalam peringkat ini, pengkaji telah membuat temu janji bagi berjumpa untuk membolehkan kajian mendapat naratif lisan yang wajar. Dengan itu, pengkaji telah berbincang dengan responden untuk menetapkan hari dan masa perjumpaan. Perkara-perkara ini wajar dibincangkan apabila tindakan tersebut mempengaruhi aktiviti rakaman serta pemerolehan data naratif lisan daripada pihak responden. Maka kerjasama yang utuh perlu dibentuk antara pihak pengkaji dengan pihak responden agar memperolehi data naratif lisan secara sistematik. Menerusi langkah ini, pengkaji mampu memperoleh naratif lisan yang berpusat di Kota Bharu, Kelantan, susun atur penceritaan serta akal budi yang terkandung dalam naratif lisan tersebut. Pengkaji memperoleh naratif lisan Kota Bharu, Kelantan melalui seorang responden iaitu Encik Long Mohamad. Pengumpulan data ini dilaksanakan pada 15 September 2020 tepat jam 9.30 pagi sehingga 11 pagi. Temu bual ini dijalankan seramai tiga orang. Hal ini demikian kerana bagi menyelaraskan serta mengumpul naratif lisan secara sistematik dan fleksibel dengan masa lapang responden.

Di samping itu, kajian ini juga melaksanakan langkah menganalisis maklumat. Hal ini membolehkan pengkaji menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Akal budi yang diperolehi dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan akan dianalisis secara terperinci serta memprlihatkan sokongan pendapat berdasarkan para sarjana mengenai naratif lisan Melayu. Melalui langkah ini juga, kajian ini turut menjelaskan mengenai Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Penggunaan teori ini melalui pendekatan kemasyarakatan mampu untuk menjelaskan sudut pandangan akal budi menerusi naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Antara cerita yang telah dipilih oleh pengkaji ialah *Asal Usul Bunut Payung*, *Asal Usul Kampung Pintu Reng*, *Kelicikan Pahlawan Mat Kilau*, *Penunggu Binjai*, *Main Teri Hiburan Masyarakat*, Haji Tahir Orang Alim, *Kerabat Diraja Memuja Pantai*, dan *Tok Guru Haji Mokhtar*. Justeru itu, metodologi yang digunakan adalah penting bagi mendapatkan maklumat yang sahih serta tepat berlandaskan tajuk kajian ini. Oleh itu, melalui langkah-langkah yang digariskan ini mampu untuk menonjolkan akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan untuk tatapan seluruh komuniti sejagat khususnya masyarakat Melayu.

## Teori Pengkaedahan Melayu

Seterusnya, pengkaji telah mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu dalam kajian ini. Teori pengkaedahan Melayu dipilih kerana mempunyai kaitan dengan kebudayaan masyarakat Melayu yang akrab. Teori pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dan dikemukakan berlandaskan bahawa semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karya sendiri. Sehubungan dengan itu, teori sastera memperlihatkan perutusan serta lontaran idea dan fikiran pengarangnya. Kajian ini mengambil intipati pendekatan kemasyarakatan dalam teori pengkaedahan Melayu. Pendekatan kemasyarakatan yang bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap dan didapati dalam sastera Melayu yang berfungsi khusus dengan membawa perutusan besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia tidak secara langsung meletakkan pendekatan ini sebagai ‘sastera untuk masyarakat dari perspektif Islam’ (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, aspek ini menekankan

suatu sistem yang adil dalam kehidupan bermasyarakat. Pleh itu, pendekatan masyarakat berupaya untuk memberi pendedahan terhadap permasalahan yang berlaku dalam masyarakat dan mencari penyelesaian berdasarkan syariah, ibadat, moral, ekonomi, sosial, dan politik dari aspek Islam.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, kajian ini akan menganalisis berkenaan dengan akal budi dalam pewatakan naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Antara akal budi yang ingin dianalisis ialah tindakan rasional, berani kerana benar, ikhlas dan daya usaha.

Akal budi didefinisikan sebagai kelakuan seseorang yang bertindak secara rasional dengan menggunakan pemikiran yang sihat dan waras melalui *Kamus Dewan* (2007). Hal ini digambarkan sebagai pembelajaran bagi mengawal perilaku manusia agar tidak bertindak melulu. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap perlakuan yang dipamerkan menampakkan keperibadian seseorang individu secara aslinya sama ada positif atau negatif. Kesannya, masyarakat Melayu lebih mementingkan perlakuan yang bersifat rasional menggunakan budi bicara seseorang manusia dalam kalangan sesebuah komuniti. Seterusnya, Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2015) menyatakan bahawa akal budi merupakan keupayaan pemikiran seseorang individu untuk menyampaikan mesej tersirat menggunakan percakapan lisan mahupun secara bertulis. Akal budi yang disampaikan mempunyai unsur yang merangkumi kesejahteraan secara rohani khususnya kepada golongan muda. Perkara ini bertujuan mendidik golongan muda untuk berakhlek mulia selain mampu menjaga mampu mempertahankan adat resam kebudayaan masyarakat Melayu.

### Akal Budi Melalui Tindakan Rasional

Menurut Adli Yacob dan Khuzaian Zakaria (2008) rasional didefinisikan sebagai perlakuan seseorang individu yang dilaksanakan dengan berhati-hati sewaktu membuat pertimbangan. Pertimbangan yang dilakukan merangkumi setiap tindakan yang akan diambil serta kesan ke atas tindakan tersebut terhadap individu, masyarakat mahupun negara. Oleh itu, setiap keputusan perlu melihat kesan secara positif mahupun negatif tanpa mementingkan diri sendiri. Seterusnya, mengikut pendapat Noresah Baharum (2010) rasional disifatkan sebagai tingkah laku manusia yang menghitung setiap kesan ke atas tindakan yang dilakukan. Rasional ini merupakan tindakan yang mementingkan kebijakan masyarakat sekelilingnya kerana setiap perbuatan yang dilaksanakan akan memberi kesan secara maksimum kepada masyarakatnya bukan sekadar ke atas individu sahaja. Selain itu, rasional turut digambarkan sebagai sesuatu tindakan yang dilakukan oleh seseorang menggunakan pemahaman atau pengalaman bagi mencapai keputusan yang baik untuk kegunaan semua pihak oleh Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan, dan Bahiyah Abdul Hamid (2018). Tingkah laku sebegini memerlukan kata muafakat dalam sesebuah komuniti bagi kebaikan semua ahli didalamnya. Kesannya, perlakuan sebegini mampu mengeratkan perhubungan dalam kalangan masyarakat menerusi komunikasi secara langsung menggunakan buah fikiran yang bernaas meliputi kehendak setiap ahlinya secara logik.

Pewatakan rasional mampu dilihat berdasarkan tajuk cerita *Asal Usul Bunut Payung*. Ianya dapat diperjelaskan melalui petikan 1 seperti di bawah:

### Petikan 1

Suatu hari, ketika burung Kenari sedang mencari makanan di sebatang pokok yang berbuah lebat, datanglah Enggang dengan lagaknya memaksa Kenari untuk pergi daripada pokok tersebut. Hal ini kerana Enggang merasakan ia lebih layak untuk memakan buah yang lebat itu. Kenari merasa agak tertindas dengan perilaku Enggang itu namun terpaksa mengalah kerana tidak ingin mengeruhkan keadaan. Kejadian itu telah membuatkan burung-burung di hutan itu tidak menyenangi sikap Enggang itu kerana dianggap melampaui batas.

Long Mohamad (2020)

Petikan 1 memperlihatkan watak burung Kenari yang membuat pertimbangan secara rasional. Rasionalnya itu dilihat daripada sudut tindakannya yang mengalah dengan burung Enggang sewaktu mencari makanan di sebatang pokok yang berbuah lebat. Biarpun burung Kenari merasa agak kecewa kerana perlakuan burung Enggang namun watak tersebut tidak ingin berlaku salah faham antaranya dengan burung Enggang. Hal ini kerana burung Kenari tidak mahu menjadikan perhubungan sesama unggas kian keruh dengan adanya sikap tidak mahu mengalah. Oleh itu secara tidak langsung, watak ini memberi gambaran bahawa bersikap rasional itu penting untuk memelihara sesebuah perhubungan dalam sesebuah komuniti.

Selain itu, tindakan rasional ini mampu dilihat menerusi tajuk cerita *Asal Usul Kampung Pintu Reng*. Ianya dapat digambarkan melalui petikan 2 seperti di bawah:

### **Petikan 2**

Suatu ketika, raja Kelantan melawat kawasan di sekitar kawasan Kota Bharu. Baginda telah melihat terlalu ramai orang kampung di kawasan itu menggunakan satu jalan berdekatan dengan laluan masuk ke Kota Bharu. Lantas baginda mengarahkan masyarakat di kawasan kampung itu membina laluan khusus untuk memberi laluan kepada para peniaga. Hal ini membolehkan kesesakan yang dilihat baginda itu makin berkurangan serta menjadi lebih teratur. Ianya juga bertujuan mengatasi bilangan perniaga yang berniaga di kawasan itu serta ingin masyarakat menitikberatkan masalah alam sekitar yang dihadapi oleh penduduk kawasan itu.

Long Mohamad (2020)

Berdasarkan petikan 2, watak raja Kelantan memberi gambaran yang jelas mengenai tindakan rasional. Watak raja Kelantan dilihat mengambil pendekatan dengan menyediakan satu laluan khusus bagi menyelesaikan permasalahan kebersihan yang melanda sebuah kampung berdekatan dengan Kampung Sireh. Laluan itu disediakan bagi mengawal bilangan peniaga yang datang berniaga sekaligus menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar yang berlaku di kawasan tersebut. Hal ini jelas apabila baginda mampu menyelesaikan permasalahan itu dengan memikirkan kaedah yang bernes melalui pertimbangan kesan terhadap masyarakat melalui lambakan peniaga yang datang berniaga di kawasan itu. Kesannya, masalah alam sekitar mampu diselesaikan secara baik antara peniaga dan masyarakat.

Di samping itu, menerusi tajuk cerita *Main Teri Hiburan Masyarakat* juga memperlihatkan tindakan rasional. Ianya diperincikan melalui petikan 3 seperti di bawah:

### **Petikan 3**

Legenda telah menyebut mengenai sebuah cerita di Kampung Bunut Payung. Ianya mengisahkan tentang sebuah kesenian Negeri Kelantan iaitu Main Teri. Dahulunya, kampung ini dikatakan agak suram kerana memiliki unsur mistik dalam perkampungan itu. Justeru membuatkan masyarakat agak terpencil berbanding masyarakat kampung lain. Masyarakat Kampung Bunut Payung ini pada ketika itu agak takut untuk bergaul dengan masyarakat kampung lain kerana bimbang unsur mistik yang ada akan mencelakakan masyarakat kampung lain. Oleh itu, masyarakat Kampung Bunut Payung ini telah menyimpan seribu misteri yang dipendam di lubuk hati setiap ahli masyarakatnya.

Long Mohamad (2020)

Berdasarkan pernyataan petikan 3, watak masyarakat Kampung Bunut Payung telah mempamerkan tindakan rasional melalui perlakuan mereka. Hal ini jelas apabila mereka memiliki satu kepercayaan yang berunsurkan mistik yang mampu mencederakan sesiapa sahaja. Oleh sebab bimbang kepada unsur mistik tersebut yang menganggu masyarakat kampung lain, mereka telah bertindak menjauhkan diri daripada bergaul dengan penduduk kampung lain. Hal ini dipertimbangkan baik buruknya kesan perbuatan mereka iaitu tidak menginginkan sesiapa tercedera dengan gangguan mistik tersebut. Kesannya, perbuatan tersebut telah mengelakkan masyarakat luar khususnya daripada mendapat bencana akibat perbuatan unsur mistik yang ada di Kampung Bunut Payung.

Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002) mampu dirungkai secara jelas melalui ketiga-tiga cerita di atas. Pewatakan watak dalam ketiga-tiga cerita tersebut memperlihatkan gambaran yang jelas apabila ianya dilakukan bagi kesejahteraan masyarakat sekelilingnya. Tindakan watak dalam cerita-cerita di atas mampu memperlihatkan kelakuan rasional kerana watak-watak tersebut berfikir secara logik sebelum mengambil sesuatu tindakan. Secara tidak langsung, setiap tindakan yang dilakukan oleh watak-watak tersebut memberi manfaat positif kepada masyarakat di sekelilingnya oleh Long Mohamad (2020). Oleh itu, pendekatan kemasyarakatan yang dinyatakan dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini adalah jelas menitikberatkan keamanan hidup dalam sesebuah komuniti itu perlu dilakukan oleh masyarakat secara saksama. Kesannya, masyarakat akan mampu dididik untuk sentiasa mendahulukan masyarakat sekeliling dalam apa jua keputusan bagi tujuan kesejahteraan hidup secara berkelompok.

### Akal Budi Menerusi Tindakan Berani Kerana Benar

Berani kerana benar merujuk kepada perlakuan yang bertujuan mempertahankan hak-hak seseorang individu mahupun kelompok masyarakat bagi tujuan saksama tanpa diskriminasi terhadap mana-mana individu oleh *Kamus Dewan* (2007). Sementara itu, menurut Noresah Baharom (2010) telah menyatakan bahawa berani kerana benar disifatkan sebagai perlakuan seseorang yang tabah dalam menghadapi sebarang rintangan bagi mencapai matlamatnya mempertahankan kebenaran mengenai sesuatu perkara. Lebih-lebih lagi, mengikut pandangan Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) telah menegaskan konsep berani kerana benar merupakan perlakuan yang mampu untuk memperdebatkan sesuatu kebenaran biarpun mendapat tohmannan atau sindiran daripada orang lain demi merungkap kebenaran yang terselindung daripada pengetahuan masyarakat. Akibatnya, masyarakat Melayu khususnya memiliki kemampuan untuk mempertahankan kebenaran sesuatu perkara sehingga ianya terungkap serta tersebar kepada masyarakat lainnya.

Akal budi menerusi tindakan berani kerana benar mampu diperjelaskan melalui tajuk cerita *Kelicikan Pahlawan Mat Kilau*. Ianya jelas diperlihatkan melalui petikan 4 seperti di bawah:

#### Petikan 4

Mat Kilau atau nama sebenarnya Mat Kilau bin Imam Rasu. Beliau memperjuangkan hak-hak yang seharusnya diperoleh oleh masyarakat di Tanah Melayu khususnya di Pahang. Oleh kerana perjuangannya itu bertentangan dengan prinsip pihak Inggeris maka beliau telah menjadi musuh pihak penjajah itu. Pihak Inggeris telah menyebarkan bahawa Mat Kilau merupakan perusuh yang dikehendaki oleh pihaknya. Berita mengenai Mat Kilau telah dicetak menerusi akhbar *The Straits Times* dan *The Free Press*. Berita tersebut telah membuatkan perjuangan Mat Kilau semakin agresif dan mendapat sambutan yang luar biasa oleh masyarakat Melayu.

Long Mohamad (2020)

Berdasarkan petikan 4, watak Mat Kilau dilihat memiliki akal budi menerusi tindakan berani kerana benar. Hal ini diperhatikan melalui perjuangannya bagi mendapatkan hak-hak yang seharusnya diperoleh oleh masyarakat Pahang ketika itu. Biarpun dilihat prinsip-prinsip yang diketengahkan adalah berlawanan dengan pegangan pihak penjajah ketika itu, iaitu Inggeris namun beliau masih juga mempertahankannya. Hal ini terjadi demikian kerana berlaku diskriminasi dalam mendapatkan hak masyarakat setempat yang dilakukan oleh pihak Inggeris. Akibatnya, perjuangan watak Mat Kilau menjadi agresif itu mendapat sambutan masyarakat Melayu khususnya.

Akal budi menerusi tindakan berani kerana benar mampu dilihat melalui tajuk cerita Haji Tahir Orang Alim. Ianya dapat dilihat melalui petikan 5 seperti di bawah:

#### Petikan 5

Namun kerana batas pergaulan yang digariskan membuatkan Anggerik merasakan Haji Tahir sompong dan takbur dengan ilmu yang ada pada dirinya lantas tidak menginginkan Anggerik untuk sama-sama mempelajari ilmu agama itu. Hakikatnya, bukan niat Haji Tahir untuk menolak mengajar Anggerik namun sikap Anggerik yang mengodanya itu membuatkan beliau terpaksa menolaknya. Hal ini kerana

Haji Tahir tidak ingin berlaku fitnah dalam kalangan masyarakat setempat berkaitan dirinya dan Anggerik.

Long Mohamad (2020)

Berdasarkan petikan 5 di atas, watak Haji Tahir memperlihatkan tentang tindakan keberanian dalam mempertahankan kebenaran. Perkara ini dilihat apabila Haji Tahir mempertahankan prinsip yang dipegangnya biarpun mendapat kritikan berunsur fitnah oleh watak Anggerik. Hal ini dikatakan demikian kerana prinsip Haji Tahir yang mementingkan batas pergaulan antara lelaki dan perempuan. Haji Tahir menegakkan kebenaran dalam ajaran Islam lantas menghadkan pergaulan serta percakapannya dengan golongan wanita biarpun mendapat tentangan terhadap prinsip tersebut. Kesannya, Haji Tahir telah difitnah oleh masyarakat kampung kerana prinsipnya itu.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), melalui pendekatan kemasyarakatan mampu dilihat pewatakan watak-watak dalam kedua-dua cerita ini menjurus kepada kekuatan hati masyarakat untuk memiliki keberanian. Menerusi penceritaan tersebut, jelaslah bahawa setiap watak-watak di atas sangat berani mempertahankan hujah demi manfaat secara bersama-sama dengan masyarakat sekeliling. Watak-watak ini sangat bersedia daripada sudut rohani serta jasmani bagi tujuan menegakkan kebenaran, malah kebenaran itu adalah tujuan menjernihkan perhubungan dalam kalangan masyarakat setempat oleh Long Mohamad (2020). Hal ini berlaku demikian kerana tujuan meneliti pengukuhan ketakwaan serta pendirian dalam menjalankan amanah yang diberikan kepada watak-watak dalam kedua-dua cerita tersebut. Natijahnya, perlakuan tersebut mampu mendidik keperibadian masyarakat untuk terus memegang teguh pendirian dalam merungkai kebenaran yang tersirat demi kesejahteraan hidup dalam kalangan masyarakatnya.

### Akal Budi Menerusi Tindakan Daya Usaha

Menurut *Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan* (2016) daya usaha didefinisikan sebagai keupayaan seseorang untuk memonopoli sesuatu kerja atau kegiatan demi meningkatkan mutu kerjanya. Ianya memperlihatkan perbuatan yang dilakukan secara maksimum oleh individu bagi mencapai matlamat yang diinginkannya. Kesannya, kualiti kerja mampu ditingkatkan melalui usaha yang dilakukan oleh individu yang terlibat. Seterusnya, menurut Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan dan Bahiyah Abdul Hamid (2018) daya usaha ialah keupayaan seseorang berikhtiar meningkatkan gaya kehidupan kepada yang lebih baik daripada sebelumnya. Hal ini terjadi demikian kerana individu yang memiliki cita-cita yang tinggi akan mampu memperoleh sesuatu yang diidamkan kerana individu tersebut berusaha hingga mencapai tahap maksimum seorang manusia. Natijahnya, individu yang berusaha secara bersungguh-sungguh mampu untuk memperoleh matlamat atau keinginan yang dikehendaki dalam kehidupannya untuk kepuasan hati individu tersebut.

Akal budi menerusi tindakan daya usaha ini mampu dilihat menerusi cerita rakyat bertajuk *Tok Guru Haji Mokhtar*. Ianya dilihat melalui petikan 6 seperti di bawah:

### Petikan 6

Al kisah ini menceritakan mengenai dua beradik yang sama-sama mendalamai ilmu agama Islam. Mereka mengembara ke seluruh Asia bagi mendalamai ilmu dan berazam untuk menyebarkan ilmu yang ada kepada masyarakat. Dua beradik ini dikenali sebagai Haji Tahir dan Haji Mokhtar. Haji Tahir seorang yang memiliki sifat lembut dan merendah diri begitu namun berbeza dengan Haji Mokhtar yang tegas dalam setiap pertuturan dan tingkah lakunya. Tetapi masing-masing memiliki kelebihan tersendiri.

Long Mohamad (2020)

Berdasarkan petikan di atas, tindakan daya usaha mampu diperhatikan melalui dua watak, iaitu Haji Tahir dan Haji Mokhtar. Kedua-dua saling berusaha untuk mendalamai ilmu agama Islam. Hal ini disebabkan masing-masing mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menyebarkan ilmu agama Islam kepada masyarakat. Biarpun memiliki keperibadian yang berbeza namun masih mengekalkan matlamat yang sama. Kedua-duanya dilihat secara bersungguh-sungguh mendalamai ilmu agama Islam apabila sanggup mengembara ke seluruh Asia untuk mencari ilmu pengetahuan.

Akibatnya, Haji Tahir telah menjadi ulamak serta Haji Mokhtar menjadi seorang tok guru Al-Quran dalam menyebarkan ilmu agama Islam kepada masyarakat.

Akal budi menerusi tindakan daya usaha ini juga mampu diperincikan melalui tajuk cerita *Asal Usul Kampung Pintu Reng*. Ianya telah diperincikan melalui petikan 7 seperti di bawah:

### **Petikan 7**

Masyarakat hanya menumpukan kepada aktiviti perniagaan sahaja tanpa menghiraukan kebersihan di kawasan jualan mereka. Terdapat longgokan sampah jualan di sekitar kawasan itu yang tidak dibersihkan oleh masyarakat kampung itu. Mereka terlalu sibuk bermula hasil pertanian serta buruan mereka tanpa memikirkan kesan terhadap alam sekitar di kawasan mereka. Oleh itu, kawasan tersebut menjadi kotor sehingga membuatkan orang lalu-lalang mulai menghindari kawasan itu.

Long Mohamad (2020)

Berdasarkan petikan 7 di atas, tindakan masyarakat di sekitar Kampung Sireh dilihat memiliki keperibadian daya usaha dalam penceritaannya. Ianya dibuktikan dengan masyarakat kampung yang terlalu asyik menjalankan aktiviti perniagaan bagi meningkatkan ekonomi kampung mereka. Hal ini menyebabkan aktiviti perniagaan itu telah merosakkan alam sekitar kerana para peniaga terlalu bersungguh-sungguh mencapai tahap ekonomi yang memuaskan. Kesannya, masyarakat kampung itu saling bersaing untuk menjual hasil pertanian serta buruan mereka untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Cerita bertajuk *Kelicikan Pahlawan Mat Kilau* membincangkan tentang akal budi menerusi tindakan daya usaha dalam penceritaannya. Petikan 8 telah membincangkan tindakan tersebut seperti di bawah:

### **Petikan 8**

Kecederaan itu telah membuatkan Mat Kilau berusaha melarikan diri daripada kepungan itu. Mat Kilau berjaya melarikan diri apabila para pengikutnya turut sama-sama membantu melawan pihak Inggeris. Mereka membantu Mat Kilau untuk melarikan diri kerana bimbang perjuangan yang dipertahankan selama ini akan berakhir dengan kematian Mat Kilau. Oleh itu, Mat Kilau melarikan diri hingga Hilar Kota Bharu dan memulakan kehidupan yang baharu setelah luka yang dialaminya sembah sepenuhnya. Namun perjuangannya masih diteruskan dan disemai prinsip tersebut dalam kalangan masyarakat Kota Bharu.

Long Mohamad (2020)

Berdasarkan petikan 8, tindakan para pengikut Mat Kilau menonjolkan sikap daya usaha dalam membantu perjuangan watak Mat Kilau. Melalui cerita tersebut, ianya memperlihatkan daya usaha para pengikut Mat Kilau yang sama-sama melawan pihak Inggeris agar Mat Kilau mampu untuk melarikan diri. Hal ini bertujuan membolehkan Mat Kilau menyebarkan fahaman prinsipnya bagi mendapatkan hak-hak masyarakat Melayu ketika itu. Akhirnya, melalui bantuan yang diperoleh daripada para pengikutnya, Mat Kilau mampu melarikan diri daripada serangan mengejut pihak Inggeris.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002) telah menjelaskan keutuhan matlamat melalui ketakwaan mampu dipertahankan demi kesejahteraan masyarakat dalam sesbuah komuniti. Watak-watak dalam cerita di atas memperlihatkan mereka berusaha bagi mendapatkan sesuatu perkara iaitu mencapai matlamat utama. Hal ini menyebabkan watak-watak tersebut berusaha secara maksimum agar mendapat perkara yang diinginkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa usaha yang dilakukan itu adalah untuk memenuhi keperluan dalam kalangan masyarakatnya oleh Long Mohamad (2020). Oleh itu, melalui ketiga-tiga cerita di atas telah menyelaraskan dengan fahaman Hashim Awang ini, iaitu memaksimumkan keupayaan melalui perbuatan watak-watak ini bagi mencapai matlamat yang positif untuk memenuhi keperluan masyarakatnya. Dengan itu, melalui pewatakan daya usaha juga mampu memberi

kesejahteraan kepada masyarakat dalam sesebuah komuniti kerana ianya memberi manfaat secara bersama.

### Akal Budi Menerusi Tindakan Ikhlas

Menurut Noresah Baharom (2010) Ikhlas diklasifikasikan sebagai keluhuran hati secara terbuka yang dizahirkan melalui perbuatan mulia oleh seseorang individu. Hal ini wujud akibat daripada prinsip hati manusia yang lembut mampu menzahirkan perasaan mulia menerusi tingkah lakunya. Sementara itu, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) telah membincangkan ikhlas adalah perbuatan nurani yang ditonjolkan oleh seseorang individu melalui perlakuan saling-membantu serta saling menasihati antara satu sama lain. Hal ini berpunca daripada sikap keterbukaan yang dimiliki hati yang bersih oleh seseorang bagi mendapat manfaat secara bersama dalam kalangan masyarakatnya. Dengan keadaan demikian, masyarakat akan memiliki keperibadian mulia serta bebas daripada pemikiran yang negatif terhadap individu lain. Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menyatakan bahawa ikhlas merupakan perlakuan yang dizahirkan melalui hati seseorang yang bersih tanpa prasangka buruk terhadap individu lain serta saling membantu dalam kalangan masyarakat. Hal ini bersangkut paut dengan keperibadian mulia yang dipamerkan oleh seseorang individu kepada masyarakat di sekitarnya. Dengan berbuat begitu, masyarakat dalam sesebuah komuniti akan hidup secara harmoni tanpa ada prasangka negatif antara satu sama lain.

Akal budi menerusi tindakan ikhlas mampu diperlihatkan melalui cerita rakyat *Penunggu Binjai*. Perkara ini mampu diperhatikan dalam petikan 9 seperti di bawah:

#### Petikan 9

Ketika asyik berjalan membawa hati yang sedih itu, Mahsuri telah terpandang pokok binjai yang di tengah-tengah kampung itu. Mahsuri berusaha untuk memetik buah binjai yang masak ranum itu. Tingkah lakunya itu telah diperhatikan oleh Mak Bunga lalu segera menegur perbuatan Mahsuri itu. Mak Bunga menegah agar menghentikan perbuatannya itu namun tidak diendahkan oleh Mahsuri. Mak Bunga yang bimbang amukan penunggu binjai itu akan turut menimpa dirinya lalu dia segera melarikan diri. Dek kerana perasaan teruja memperoleh buah binjai yang diidamkan itu, Mahsuri segera memakan buah tersebut.

Long Mohamad (2020)

Berdasarkan petikan di atas, watak Mak Bunga dilihat membawa perilaku ikhlas sewaktu menegur watak Mahsuri. Watak Mak Bunga ini dilihat ikhlas dalam menegur Mahsuri sewaktu memetik buah binjai yang berada di tengah-tengah kampung. Hal ini demikian kerana Mak Bunga amat sedia maklum penunggu yang berada di pokok binjai itu kerana itu dia berusaha menasihati Mahsuri. Namun malangnya, Mahsuri tidak mempercayai kata-kata Mak Bunga serta masih berkeras mahu memetik buah binjai tersebut. Oleh itu Mak Bunga tidak mampu melakukan apa-apa selain beredar. Kesannya, Mahsuri telah mati akibat penunggu binjai itu.

Akal budi menerusi tindakan ikhlas mampu diperlihatkan melalui cerita yang bertajuk *Haji Tahir Orang Alim*. Ianya diperlihatkan melalui petikan 10 seperti di bawah:

#### Petikan 10

Ketika Haji Tahir berehat, beliau telah disapa oleh anak muridnya iaitu Budi. Budi memaklumkan kepada Haji Tahir mengenai fitnah yang berleluasa terhadap diri Haji Tahir. Haji Tahir terkejut dengan fitnah yang diketahuinya lalu mendoakan agar siapa yang mencetuskan fitnah itu akan mendapat balasan yang setimpal dengan perbuatannya itu. Tidak lama kemudian, angin kuat telah melanda kampung itu dan hujan lebat telah membanjiri kawasan kampung. Namun, tidak semua kawasan yang kena dengan hujan lebat itu. Hujan itu hanya membanjiri kawasan rumah Anggerik sahaja. Maka, mengertilah Haji Tahir bahawa fitnah itu disebarluaskan oleh Anggerik. Haji Tahir merasa sangat kecewa namun tetap memaafkan perbuatan Anggerik itu lantas beliau telah keluar daripada kampung berkenaan. Situasi itu telah diperhatikan oleh anak muridnya, Budi. Budi menyampaikan hal sebenar

kepada orang kampung namun semuannya telah terlambat kerana Haji Tahir telah meninggalkan mereka semua.

Long Mohamad (2020)

Berdasarkan petikan di atas, kelakuan ikhlas mampu diperjelaskan melalui watak Haji Tahir. Haji Tahir adalah seorang ulamak yang telah difitnah oleh salah seorang penduduk kampung iaitu Anggerik. Hal ini telah menyebabkan Haji Tahir telah dipulaukan oleh masyarakat kampung akibat hasutan Anggerik. Namun, Haji Tahir tidak menyerah malah mengambil pendekatan dakwah ke rumah tanpa mengetahui bahawa dirinya itu telah menjadi mangsa fitnah Anggerik. Setelah Haji Tahir mengetahui fitnah yang melanda itu atas perbuatan Anggerik, beliau telah merasa kecewa namun tetap memaafkan Anggerik. Kesannya, Haji Tahir telah meninggalkan kampung tersebut bagi menenangkan dirinya akibat fitnah itu.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002) menjelaskan bahawa setiap perbuatan yang dilakukan oleh seseorang haruslah mengutamakan kesejahteraan masyarakat setempat berdasarkan syariat yang dituntut dalam agama Islam. Menerusi watak-watak dalam penceritaan di atas, ianya telah menjelaskan perilaku mengikhaskan diri menerusi tingkah laku serta percakapan mereka. Hal ini dikatakan demikian apabila mereka mampu untuk bertutur serta bertingkah tanpa menyembunyikan apa-apa daripada pengetahuan masyarakat setempat. Setiap perbuatan tersebut disusuli dengan perbuatan jujur dalam setiap tindakan dan pertuturan oleh Long Mohamad (2020). Oleh itu, melalui cerita-cerita di atas dapat dilihat watak-watak itu melakukan setiap perbuatan secara ikhlas bagi kesejahteraan masyarakat di sekelilingnya. Natijahnya, setiap warga dalam kalangan masyarakat tersebut mendapat manfaat yang sama menerusi perlakuan watak-watak dalam kesemua cerita di atas.

Berdasarkan analisis yang telah dinyatakan, kajian ini mendapati terdapat beberapa akal budi yang terkandung dalam cerita-cerita Melayu di Kota Bharu, Kelantan. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah memperjelaskan bahawa akal budi merupakan intipati yang jelas terdapat naratif lisan Melayu. Ianya bertujuan mencerminkan gaya kehidupan masyarakat terdahulu dalam aspek kebudayaan. Hal ini menyebabkan masyarakat lain memandang tinggi peradaban yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Kesannya, akal budi dalam naratif lisan ini mampu untuk membina masyarakat yang mementingkan usaha mengekalkan perhubungan dalam sesbuah komuniti khususnya masyarakat Melayu pada masa kini.

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini telah memperincikan bahawa akal budi dalam naratif lisan mementingkan pengajaran yang terkandung di dalamnya. Hal ini dikatakan demikian kerana akal budi dalam naratif lisan mampu memupuk akhlak mahupun keperibadian yang mulia dalam kalangan masyarakat khususnya kanak-kanak. Hal ini menyebabkan pegangan dalam akal budi mampu membina masyarakat untuk memiliki sikap rasional serta perilaku mulia. Oleh itu, kanak-kanak yang memperhatikan sikap mulia yang ditonjolkan oleh ibu bapa akan mencontohi perlakuan tersebut. Sedikit sebanyak naratif lisan ini telah mendidik kanak-kanak itu untuk memikirkan setiap impak daripada setiap tindakan yang dilakukan. Tanya akan sentiasa diaplikasikan dalam kehidupan kanak-kanak tersebut hingga ke peringkat dewasa lalu mampu untuk menjadi seorang pemimpin yang berdedikasi dalam sebuah komuniti mahupun negara. Dengan itu, akal budi dalam sebuah naratif lisan wajar dimartabatkan oleh pihak yang terlibat agar mampu mewujudkan masyarakat yang berkredibiliti dalam sebuah negara bertaraf antarabangsa.

## Rujukan

- Adli Yaacob & Khuzaian Zakaria. (2008). *Kamus Dewan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 2002. Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. (2015). Akal budi Melayu dalam mantera: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Melayu*. 14(20), 260-273.
- Junaini Kasdan. (2020). Penciptaan istilah dan akal budi Melayu. *International Journal of The Malay World and Civilisation*. 8(1), 3-16.
- Kamus Dewan*. (2007). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Mohd Fahmi, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. (2015). Cerita rakyat Melayu: Suatu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *Internasional Journal of Education and Training*, 3(1), 479.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd. Rahim. (2014). Cerita rakyat membentuk moral positif kanak-kanak melalui nilai murni. *Journal Of Business and Social Development*, 2(2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. *Internasional Jurnal of Language Education and Applied Linguistics*, 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Noresah Bharom. (2010). *Kamus Dewan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noormaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2017). Desimination of Value through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. January, 16(1), 32-36.
- Roslina Abu Bakar & Arba'ie Sujud. (2013). World-view dan sistem politik masyarakat Melayu: Penelitian terhadap cerita rakyat Melayu. *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 4(1), 143-161.
- Rosmawati Harahap & Alkausar Saragih. (2018). Unsur karakter cerita rakyat Si Mardan. *Jurnal Penelitian Pendidikan Bahasa dan Sastra*. 3(1), 312-317.
- Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid. (2018). Takrif kepimpinan, ciri-ciri pemimpin dan motivasi untuk memimpin menurut sudut pandang pemimpin wanita akar umbi. *Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*, 28-42.
- Shaiful Bhari Md Radzi. (2016). Si Tanggang moden dan perubahan makna dalam cerita bermotifkan anak derhaka. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 31(2).
- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh. (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam pendidikan Kesusteraan Melayu. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 1-10.
- Siregar & Hendriadi. (2019). *Analisis Sosiologi Sastra terhadap Cerita Rakyat Datuk Megang Masyarakat Melayu Talawi Kabupaten Batubara*. Tesis Ijazah Sarjana Sastra. Universiti Sumatera Utara, Medan.
- Siti Zuhaidah Zikeria. (2015). *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Uli Wahyuni & Nurshella Amhar Rasidah. (2019). Konjungsi temporal dalam kumpulan cerita rakyat Melayu Jambi tulisan Iskandar Zakaria (Analisis Wacana). *Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 3(2), 2597-6095.